

Persidangan dan Pameran Bio Malaysia 2010

Persidangan dan Pameran BioMalaysia 2010 telah berlangsung pada 1 hingga 3 November 2010 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. BioMalaysia adalah aktiviti tahunan anjuran bersama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Malaysian Bio-Technology Corporation dan PROTEMP Exhibitions yang bertujuan untuk mengetengahkan perkembangan industri berdasarkan bioteknologi di Malaysia yang merangkumi industri pertanian, penjagaan kesihatan, bioinformatik dan sebagainya. Persidangan ini menyediakan landasan untuk pihak industri mewujudkan jaringan kerjasama dengan para penyelidik. Ini juga memberi peluang untuk perkongsian maklumat dan pengetahuan di kalangan penyelidik dalam bidang bioteknologi. Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS telah menghantar sebanyak 11 penyertaan untuk kategori BioInno Award. Dua daripadanya adalah dari Sekolah Sains dan Teknologi iaitu Prof Madya Dr Suhaimi Md. Yasir dan Cik Hartinie Marbawi. Penyelidikan Prof. Madya Dr. Suhaimi yang bertajuk *Development of Mini Estate System in Seaweed Cultivation* telah berjaya merangkul pingat emas pada pertandingan ini. Sementara Cik Hartinie pula memperolehi pingat Gangsa bagi penyelidikan bertajuk *Labisia Microkit: Medium Formulation for In Vitro Culture of Labisia pumila* (Kacip Fatimah).

Artikel oleh: Hartinie Marbawi



Prof. Madya Dr. Suhaimi Md. Yasir dan Cik Hartinie Marbawi mempamerkan hasil penyelidikan masing-masing



Penyelidikan bertajuk *Development of Mini Estate System in Seaweed Cultivation* yang memenangi pingat emas.